



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE
ORGANIZATION (ACO)**

**PROGRAM COOPCARE REZEKI
RAMADAN ANGKASA 2024/ 1445H**

**30 MAC 2024 (SABTU)
10.30 PAGI**

DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM A

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum
Wabarakatuh

Warahmatullahi

**{SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
PROGRAM}**

Datuk-Datuk/Datin-Datin/Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang Dihormati
Sekalian

1. Alhamdulillah marilah kita menadahkan tangan merafakkan rasa syukur ke hadirat Allah S.W.T. atas limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di **PROGRAM COOPCARE REZEKI RAMADAN ANGKASA 2024/ 1445H @ANGKASAMART** Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Terima kasih diucapkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat, Kumpulan Perhubungan Strategik ANGKASA yang bertanggungjawab mengatur program CoopCare ANGKASA dalam kita menyantuni masyarakat dan menghulurkan tangan memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Hadirin Hadirat yang dikasihi Sekalian

3. Sebagai organisasi yang memayungi gerakan koperasi di seluruh negara, ANGKASA menjunjung tinggi Prinsip Koperasi Ketujuh yaitu Berprihatin Terhadap Masyarakat. Program CSR Coopcare ANGKASA merupakan inisiatif ANGKASA memenuhi tanggungjawab sosial baik

dari segi menyumbang dalam usaha, tenaga dan juga keperluan sosiekonomi masyarakat yang memerlukan.

4. Program CoopCare Rezeki Ramadan yang dianjurkan ANGKASA pada hari ini bertujuan membantu masyarakat dalam kategori asnaf, golongan rentan dan golongan

kurang berkemampuan (B40) di sekitar Petaling Jaya bersempena dengan penganjuran Karnival ANGKASAMart Kelana Jaya yang bermula 26 mac sehingga esok.

5. Melalui majlis ini, ANGKASA memperuntukkan sumbangan berbentuk baucar bernilai RM100 (Ringgit Malaysia Seratus) bagi pembelian barang keperluan harian

menerusi Projek Barang Asas 100 (BA100) untuk 70 orang kariah masjid sekitar Kelana Jaya, 30 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata dan 50 orang kakitangan ANGKASA dalam kategori yang dinyatakan.

6. Sementara itu tiga buah rumah Kebajikan akan turut menerima

baucar bernilai RM1,000 iaitu Pusat Jagaan Rumah Nur Sakinah, Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia dan Persatuan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Ibu Tunggal (Hajah Kamariah). Tuan-Tuan dan Puan-puan boleh memilih dan mendapatkan barangan keperluan harian dengan menggunakan baucar yang akan diberikan.

7. Untuk makluman Projek Barang Asas 100 (BA100) merupakan inisiatif ANGKASA dalam menawarkan barangan asas dengan harga berpatutan bagi membantu rakyat dalam mendepani cabaran kos sara hidup dan usaha mendapat sokongan penuh pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

8. Outlet ANGKASAMart yang terletak di Glomac Business Centre ini menawarkan barang keperluan harian dengan harga berpatutan. Barang – barang ini juga boleh didapati di kedai coop berhampiran. Saya berharap Tuan-tuan dan puan-puan memberi sokongan kepada kedai ANGKASAMart yang sentiasa cuba untuk memenuhi keperluan

pelanggan dengan pelbagai
barangan.

**Hadirin Hadirat yang Dihormati
Sekalian**

9. Keberkatan Ramadan kini telah memasuki hari ke-19. Semakin sayu hati apabila Ramadan telah hampir meninggalkan kita namun keriang

Aidilfitri sudah mulai dirasakan. Saya harap pemberian ANGKASA hari ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban dalam membuat persiapan keperluan aidilfitri .

10. Saya yakin dan percaya semangat kerjasama, tolong-menolong, mengambil berat dan kebersamaan yang diterapkan oleh koperasi sedikit sebanyak membantu hadirin semua

menikmati kemeriahan Aidilfitri di samping dapat memperkukuhkan keimanan kita serta mendapat keberkatan Allah S.W.T., InsyaAllah.

Selamat berpuasa, Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir dan Batin.

Sekian

Wabillahi taufik walhidayah,

Assalamualaikum
wabarakatuh.

warahmatullahi

Terima kasih.